

## **KURIKULUM BAGI ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI SEBUAH PUSAT LATIHAN VOKASIONAL: PERSPEKTIF PELATIH**

**Khadijah Rohani Mohd Yunus  
Norani Mohd Salleh  
Sharifah Norul Akmar Syed Zamri,  
Rohaida Mohd Saat  
Abu Bakar Nordin  
Hidayah Mohd Fadzil  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya**

*Penekanan terhadap masa depan OKU adalah antara isu yang kini mula mendapat perhatian di mata dunia. Seperti negara lain, Malaysia juga dalam usaha mewujudkan masyarakat mesra dan penyayang yang mampu hidup bersama golongan ini. Kajian pengesanan ini bertujuan untuk meninjau persoalan keberkesanan sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berperanan memberikan latihan kemahiran dan perindustrian serta pemulihan pada tahap yang optimum kepada OKU mengikut kebolehan dan keupayaan fizikal mereka. Kajian ini menjurus kepada persepsi bekas pelatih terhadap kurikulum yang diguna pakai dalam membantu pelatih OKU menghadapi persaingan pekerjaan dalam dunia sebenar. Berdasarkan dapatan daripada kajian ini strategi untuk penambahbaikan program latihan telah dicadangkan.*

**Kata kunci:** OKU, kurikulum, vokasional, latihan

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), orang kurang upaya (OKU) ialah seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosial sebagai seorang individu yang normal, akibat